

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN BENGKEL KECEMERLANGAN DALAM  
PENTADBIRAN KUKUM PADA 31 DISEMBER 2004 – 2 JANUARI 2005  
BERTEMPAT DI CINTA SAYANG GOLF & CONTRY RESORT, SUNGAI  
PETANI, KEDAH.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM  
SEJAHTERA.

TUAN Pengerusi Majlis,

Yang berusaha Tuan Haji Rusli Bin Haji Abd. Hamid, Pendaftar  
Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia selaku  
Penceramah dan juga Ketua Fasilitator,

Encik Zuber Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar, Jabatan  
Canselori (Pejabat Rektor) selaku Fasilitator,

Tuan Haji Abdul Shukor Shamsuddin, Penolong Pendaftar,  
Jabatan Canselori selaku Fasilitator,

Encik Mohamad Shabudin Mohamad Noor, Penolong Pendaftar,  
Jabatan Pendaftar, selaku Fasilitator,

Dan seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Pertamanya saya ingin merafa'kan setinggi-tinggi syukur  
kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniannya  
dipertemukan kita di dalam 'Bengkell Kecemerlangan dalam  
Pentadbiran Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia  
(Kukum) anjuran Jabatan Pendaftar.

SAYA DIFAHAMKAN JUMLAH PESERTA YANG MENGIKUTI BENGKEL INI ADALAH SERAMAI 46 ORANG YANG TERDIRI DARIPADA STAF KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL DARI SETIAP JABATAN DAN PUSAT PENGAJIAN KHUSUSNYA STAF DI BAHAGIAN PENTADBIRAN.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

KUALITI PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN DI SETIAP PERINGKAT MENJADI FAKTOR UTAMA DALAM MENJANA KECEMERLANGAN SESEBUAH UNIVERSITI. KUALITI PENTADBIRAN DI SETIAP PERINGKAT PENGURUSAN DAPAT DIPERTINGKATKAN MELALUI PENGUASAAN ILMU DAN KEMAHIRAN DAN JUGA MEMPUNYAI SIKAP YANG POSITIF SERTA TERBUKA OLEH SETIAP WARGA KERJA UNIVERSITI.

LATIHAN YANG BERTERUSAN KEPADA SEMUA STAF MERUPAKAN PENDEKATAN YANG EFEKTIF DALAM MENJANA STAF YANG PRODUKTIF DAN CEMERLANG. JUSTERU, MELALUI LATIHAN-LATIHAN YANG DIBERIKAN DIHARAP DAPAT MENAMBAH PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN STAF DAN SETERUSNYA MENINGKATKAN KUALITI PENTADBIRAN DI SETIAP PERINGKAT PENGURUSAN.

SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA TUJUAN BENGKEL INI DIADAKAN ADALAH UNTUK MENGEMASKINI DAN MENAMBAHBAIK ASPEK-ASPEK PENTADBIRAN DI SETIAP PERINGKAT PENGURUSAN DI KUKUM. HARAPAN SAYA SEMOGA DI AKHIR BENGKEL INI PARA PESERTA AKAN DAPAT:

1. MENAMBAHBAIK KUALITI PENTADBIRAN DI PTJ MASING-MASING;
2. MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DALAM ASPEK PENTADBIRAN ORGANISASI;
3. MENGURANGKAN MASALAH-MASALAH PENGURUSAN DALAM ORGANISASI SERTA MENINGKATKAN PRESTASI ORGANISASI;

4. MEMBERI KESEDARAN TERHADAP KEPENTINGAN DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PENJAWAT AWAM SERTA MEMPUNYAI PERANCANGAN MASA DEPAN BERKAITAN TUGAS; DAN
5. MENGERATKAN HUBUNGAN ANTARA SESAMA SENDIRI DISAMPING BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT SERTA PANDANGAN.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN SAYA INI, DI SINI SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA JABATAN PENDAFTAR KERANA DAPAT MENGADAKAN BENGKEL PADA KALI INI.

AKHIRNYA DENGAN LAFAZ BISMILLAHHIRROHMANIRRAHIM SAYA DENGAN INI MERASMIKAN 'BENGKEL KECEMERLANGAN DALAM PENTADBIRAN' KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA PADA 31 DISEMBER 2004 – 2 JANUARI 2005 BERTEMPAT DI CINTA SAYANG GOLF & COUNTRY RESORT, SUNGAI PETANI, KEDAH.

SEKIAN, WABILLAH I TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARRAHMATULLAH I WABARAKATUH.